

Malay A: literature – Higher level – Paper 1
Malais A : littérature – Niveau supérieur – Épreuve 1
Malayo A: literatura – Nivel superior – Prueba 1

Wednesday 10 May 2017 (afternoon)
Mercredi 10 mai 2017 (après-midi)
Miércoles 10 de mayo de 2017 (tarde)

2 hours / 2 heures / 2 horas

Instructions to candidates

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a literary commentary on one passage only.
- The maximum mark for this examination paper is **[20 marks]**.

Instructions destinées aux candidats

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Rédigez un commentaire littéraire sur un seul des passages.
- Le nombre maximum de points pour cette épreuve d'examen est de **[20 points]**.

Instrucciones para los alumnos

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un comentario literario sobre un solo pasaje.
- La puntuación máxima para esta prueba de examen es **[20 puntos]**.

Tulis satu ulasan sastera tentang **satu** daripada berikut:

1.

Guru

Hari rabu. Cikgu Arif mengira-ngira di benaknya. Hari ini paling banyak *period*. Hanya ada satu *free period* sahaja. Menengah 1B ada dua *period* karangan. Menengah 1G ada dua *period* bahasa. Menengah 2C ada dua *period* latihan kefahaman dan menengah 2B ada satu *period* sibik.

- 5 "Huh! Penat hari ini, ada satu period saja free." Keluh Cikgu Arif.
Semasa memikirkan mata pelajaran hari ini. Loceng pun berbunyi. Guru-guru semuanya beredar ke dewan sekolah. Upacara menaikkan bendera mesti dihadiri. Lagu kebangsaan berkumandang. Murid-murid menyanyi seperti biasa. Menghafal tiap patah perkataan. Kemudian murid-murid membaca ikrar. Cikgu Arif telah hafal betul tiap perkataan ikrar ini.
- 10 Semasa murid-murid, menyebutnya, Cikgu Arif menyebutnya dalam hati, mendahului murid-muridnya. Cikgu Arif suka menyebut ikrar ini. Padanya ada suatu keyunikkan pada ikrar ini. Dan pada Cikgu Arif ada sesuatu yang menyebabkan dia tersenyum sinis bila mendengar ikrar ini dilafazkan.
Selesai murid-murid membaca ikrar, murid-murid menyanyi lagu sekolah. Macam biasa.
- 15 Murid-murid menyanyi dengan lancar, mula-mula lagu dinyanyikan dalam bahasa Inggeris, kemudian bersambung dengan nyanyian dalam bahasa Mandarin pula. Sekolah tempat Cikgu Arif mengajar ini, sekolah gabungan aliran Inggeris dan Cina. Jumlah keseluruhan pelajar Melayu di sekolah ini tidak sampai 50 orang pagi dan petang. Tidak sampai 50 orang jumlahnya dari menengah satu hingga empat. Maklumlah bukan sekolah aliran Melayu. Lagi pun
- 20 nak cari sekolah aliran Melayu di sini mana nak dapat. Kalau ada pun tinggal sebuah dua sekolah rendah yang ada di pulau-pulau. Itu pun bilangan penuntutnya tak sampai 100 orang. Sekolah menengah dah tak ada lagi aliran Melayu 100%. Sekolah gabungan adalah, itu pun nama sahaja gabungan kelas Melayunya tidak sampai tiga kelas. Dalam ingatan Cikgu Arif hanya tinggal 5 buah sekolah menengah sahaja yang ada dua tiga kelas Melayunya. Bila Aliran
- 25 Melayu ini hilang, sekolah-sekolah ini akan bertukar menjadi aliran Inggeris 100%.
Para penuntut telah mula beredar masuk ke kelas masing-masing. Cikgu Arif bergegas menuju ke kelas bahasanya. Cikgu Arif membuka buku ringkasan mengajarnya. Meneliti. Mukanya berkerut bila membaca "mengenalkan perkataan berlawan maknanya" kebosanan mula menikam-nikam hatinya. Dibukanya muka surat sebelah, berderet tertulis "mengenalkan perkataan erti, seiras, perkataan berganda, perkataan berpasang." Cikgu Arif menutup buku ringkasannya, rasa bosan mencengkam tangkai hatinya. Semenjak dia menjadi guru bahasa kedua ini, telah hampir 20 tahun dia mengajar topik-topik ini, padanya topik-topik ini cukup membosankan.
- 30 Cikgu Arif menghenyakkan punggungnya ke kerusi. Murid-muridnya masih belum tidak tiba. Fikirannya melayang ke zaman kemeriahannya menjadi guru, zaman penuh gembira menjadi pendidik. Zaman penuh keindahan. Masa itu jawatan guru amatlah dihormati. Masyarakat menghormati guru seperti menghormati alim ulamak. Masyarakat menghormati guru seperti menghormati ahli politik. Guru adalah segala-galanya. Gurulah pendidik. Gurulah penjuang kebangsaan. Gurulah sasterawan. Pendeknya segala-galanya terletak di bahu guru. Masa itu
- 35 amatlah indah bagi Cikgu Arif. Masa itu dia baru berusia belasan tahun. Baru tamat menjadi guru pelatih. Sultan Idris Training College, adalah nama yang membanggakan. Singkatan nama S.I.T.C. ini menggerunkan orang mendengarnya. Di sinilah guru-guru Melayu dididik. Dilatih supaya menjadi guru-guru yang berkalibar. Guru yang berdedikasi. Guru yang dilengkapkan dengan semangat kebangsaan setebal besi waja. Guru yang dilengkapkan
- 40 dengan keperibadian Melayu yang menggerunkan penjajah. Cikgu Arif amat bangga dengan S.I.T.C. ini.
- 45

Teringat dia selepas tamat latihan dia pulang ke tanah air. Dia mengajar di sekolah Melayu Pulau Seking. Cikgu Arif merasakan betapa nikmatnya menjadi guru ketika itu. Dia mangajar pelajaran sejarah. Dia mengajar ilmu hisab. Ilmu alam. Bahasa Melayu. Tulisan Jawi. Bacaan jawi, pendeknya semua mata pelajaran diajar olehnya. Dia merasakan guru Melayu masa itu benar-benar berfungsi. Ada maruah. Dia benar-benar mendidik anak bangsa. Dia benar-benar mendidik lahir batin. Betapa gembiranya dia mengajar pelajaran sejarah yang bermula dengan Sang Nila Utama membuka Singapura. Menceritakan betapa pintarnya Bendahara Tun Perak. Mengisahkan betapa liciknya Inggeris menipu sultan dan bangsa Melayu. Murid-murid mendengar dengan penuh semangat. Cikgu Arif masih ingat bagaimana murid-muridnya boleh menghafal peta Tanah Melayu tanpa merujuk kepada buku peta, dengan pantas mereka dapat melukiskan di papan hitam bila disuruh, kini Cikgu Arif dapatkan anaknya di rumah lebih kenal peta Amerika dari peta Malaysia. Mereka kenal England tapi tak tahu di mana Selat Melaka. Mereka lebih tahu tentang gandum dari padi. Alangkah berbezanya dulu dan sekarang. Fikir Cikgu Arif dalam hati.

Hari yang paling gembira di sekolahnya ialah apabila tiba musim menyambut hari ibu bapa atau hari penyampaian hadiah untuk pelajar terbaik. Cikgu Arif dan teman-temannya akan bermalam di sekolah, sekolah menjadi seperti rumah kedua bagi Cikgu Arif dan teman-temannya. Mereka akan mementaskan teater “Si Bongkok Tanjung Puteri” atau “Raja Laksamana Bentan”, murid-murid akan berlakon dengan penuh semangat. Ibu bapa akan membanjiri sekolah. Halaman sekolah dihias dengan bunga mangga, bunga telur dibahagi-bahagikan, tarian “Mak Inang” dan “Sekapur Sirih” dipersembahkan. Alangkah meriahnya saat itu. Alangkah indah dan bersemangatnya mengajar waktu itu.

Mohamed Latiff Mohamed, *Nostalgia Yang Hilang* (2004)

2.

Tanah, di Sini Aku Bersemadi

Tanah ini tidak terbagi
dari tanah pulang ke tanah
tidak juga minta dihormati
melainkan bersama di akhir nanti

- 5 Engkau tahu apa?
Menanti ceria siang dan malam
hari-hari mulutmu minta suapi
kakimu kau seret ke sana sini
kau injak tanpa peduli
10 engkau perli

Engkau tahu apa?
kemarau ini buat kau alpa
menggadaikannya dengan rendah maruah
tergamak sekali engkau meludah
15 ke tanah tumpah darah

Aku sedih! Aku pedih!
Kesinambungan tertindih

Siapakah kita sebenarnya?
Tanah ini anugerah buat kita
20 buat menggali harta
untuk anak cucu bakal dewasa

suara-suaranya mesra
bakal membangun nusa dan bangsa

Tanah, engkau tidak dihitung
25 tetapi akan mengusung
kemahuan terulung
di mana bumi dipijak
di situ langit dijunjung

Di sini tempat aku bersiram
30 di sini tempat aku berlutut
di sini engkau memuja Tuhan
dan di sini nama kita bersemadi

Kamariah Buang (2013)